

21 FEB 1997

MCA-Deng

PEMIMPIN MCA TANDATANGANI BUKU TAKZIAH UNTUK DENG

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan beberapa orang pemimpin parti itu hari ini menandatangani buku takziah untuk pemimpin tertinggi China, Deng Xiaoping yang meninggal dunia Rabu lepas.

Mereka yang hadir pada majlis di Kedutaan Besar China di Jalan Ampang itu termasuk timbalan presiden parti Datuk Lim Ah Lek, setiausaha agung Datuk Ting Chew Peh, naib presiden Datuk Chua Jui Meng, ketua pemuda Datuk Chan Kong Choy, ketua wanita Datuk Teng Gaik Kwan dan Datuk Tan Chai Ho.

Beliau mengetuai rombongan itu menyempurnakan tradisi tunduk hormat di hadapan potret Deng yang dihiasi dengan kata-kata tanda ingatan abadi dalam bahasa Cina.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan, berkata Deng akan sentiasa dikenang sebagai pembawa kemodenan di China.

Beliau memuji Deng di atas kestabilan politik di China yang membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang menakjubkan di negara itu dalam dekad terakhir ini.

Beliau berharap akan wujud perubahan kepimpinan yang teratur di China kerana negara itu memberikan inspirasi dan pertumbuhan kepada keseluruhan rantau ini dan juga dunia secara keseluruhannya.

Sejurus selepas itu, setiausaha agung DAP Lim Kit Siang mengetuai delegasi 12 orang untuk memberikan penghormatan terakhir kepada Deng.

Presiden Dewan Negara Tan Sri Mohamed Ya'acob turut menandatangani buku takziah itu yang akan dibuka dari pukul 9 pagi hingga 5 petang setiap hari kecuali Ahad sehingga Selasa depan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menandatangani buku itu pada Selasa depan.

-- BERNAMA

YBK HJ AHH